

PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA (PKPS)

DUTI SETEM 2026

CYBERJAYA, 28 JANUARI 2026 – Selaras pengumuman oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan berhubung pelaksanaan **Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) Duti Setem** sempena **Amanat Tahun Baharu 2026** pada **5 Januari 2026** yang lalu, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan program tersebut akan berlangsung bagi tempoh **enam (6) bulan mulai 1 Januari 2026 hingga 30 Jun 2026**.

Berikut adalah maklumat berkaitan pelaksanaan **PKPS Duti Setem 2026** iaitu:

1. Tempoh PKPS Duti Setem 2026 adalah mulai **1 Januari 2026 hingga 30 Jun 2026** bagi semua surat cara yang disempurnakan **dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025**;
2. Dalam tempoh PKPS Duti Setem 2026, **semua surat cara yang disempurnakan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025 layak untuk dikecualikan penalti** berdasarkan kuasa yang diperuntukkan kepada Pemungut Duti Setem di bawah subseksyen 47A(2) Akta Setem 1949;
3. Penyeteman dan bayaran duti setem hendaklah **dibuat dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 30 Jun 2026**;

4. Tiada permohonan rayuan penalti perlu dikemukakan dan penalti akan dikecualikan secara automatik apabila duti setem dibayar;
5. PKPS Duti Setem 2026 ini tidak terpakai bagi kes yang berunsurkan *fraud*;
6. Semua **surat cara yang disempurnakan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025 dan telah disetamkan di bawah PKPS Duti Setem 2026 tidak akan diaudit** dan PKPS Duti Setem 2026 tidak mengecualikan pembayar duti daripada diaudit ke atas surat cara lain yang tidak disetamkan di bawah PKPS Duti Setem 2026;
7. **Paparan jumlah penalti masih akan ditunjukkan pada Borang Nyata Duti Setem (BNDS)** atau pada **Notis Taksiran** yang dikeluarkan. Namun begitu, **penalti berkenaan akan dihapuskan secara automatik semasa proses bayaran duti setem dibuat** tanpa memerlukan sebarang tindakan lanjut daripada pihak pembayar; dan
8. Pembayar duti disarankan supaya **mengemukakan permohonan penyeteman serta membuat bayaran duti setem lebih awal** bagi memastikan notis taksiran boleh dikeluarkan dalam tempoh PKPS dan bayaran duti setem dapat dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.

Sebagai rujukan, garis panduan dan soalan lazim PKPS Duti Setem 2026 boleh diakses dan dimuat turun dengan mengikuti langkah mudah berikut:

- a. Layari portal HASiL di www.hasil.gov.my;
- b. Klik Menu **Perundangan > Garis Panduan > Garis Panduan Operasi**; dan
- c. Klik Menu **Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim**.

HASiL ingin menasihatkan orang ramai mengambil peluang untuk turut serta dalam PKPS Duti Setem 2026 yang diadakan selama enam (6) bulan ini. Diharapkan pelaksanaan inisiatif ini dapat menyokong kemampanan fiskal negara serta kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAPINTAR

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 28 Januari 2026